

KENYATAAN MEDIA

TIMBALAN PERDANA MENTERI

BERKAITAN

PENGURUSAN PENSIJILAN HALAL

1. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah membentangkan isu berkaitan pensijilan Halal Malaysia dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada hari ini 18 September 2024.

2. Setelah dipertimbangkan, Jemaah Menteri bersetuju untuk mengekalkan dasar sedia ada iaitu permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam (MAIN)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) adalah bersifat sukarela sejak ianya mula dilaksanakan pada tahun 1974 dan diperkukuhkan dengan Akta Perihal Dagangan 2011.

3. Dasar sedia ada ini kekal dan ia terbuka kepada mana-mana industri yang bersedia untuk mematuhi semua keperluan, piawaian dan standard pensijilan halal Malaysia. Melalui SPHM yang diperolehi tersebut, ia akan memberi nilai tambah kepada pemegang SPHM atas komitmen yang tinggi untuk sentiasa mematuhi standard dan piawaian pensijilan halal.

4. Justeru, JAKIM menggesa pemain industri agar memohon SPHM memandangkan ianya boleh memberi jaminan dan menarik pelanggan beragama Islam untuk makan tanpa keraguan di premis berkenaan. Tambahan lagi, bagi menggalakkan pihak industri memohon SPHM khususnya dalam kalangan industri mikro dan kecil, pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi-agensi pembimbing usahawan di peringkat persekutuan, negeri dan swasta telah menawarkan pelbagai insentif dan inisiatif dalam bentuk latihan dan bimbingan serta geran kepada pihak industri untuk memastikan produk atau perkhidmatan yang ditawarkan boleh dipersijilkan halal.

5. Selain itu, JAKIM juga telah memperkenalkan Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia untuk mempercepatkan pengurusan pensijilan halal Malaysia dalam tempoh 30 hari dan statistik menunjukkan di antara Januari hingga Julai 2024, 96% permohonan berjaya diuruskan dalam tempoh 30 hari tersebut. Usaha proaktif ini berupaya menjadi salah satu tarikan kepada pihak industri untuk memohon SPHM.

6. JAKIM dan MAIN/JAIN sentiasa komited untuk terus memperkemas polisi dan dasar sedia ada demi menambah baik pengurusan pensijilan halal dan sistem penyampaian perkhidmatan pensijilan halal dari semasa ke semasa bagi memastikan pensijilan halal Malaysia terus diyakini dan kekal sebagai rujukan dunia.

7. JAKIM akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kesedaran semua pihak tentang kepentingan serta kebaikan sijil halal Malaysia dalam industri makanan dan perniagaan. Dalam pada masa sama, JAKIM dan MAIN/JAIN juga akan bertindak tegas kepada individu atau mana-mana pihak yang cuba memalsukan SPHM demi memastikan kualiti dan standard pensijilan halal Malaysia sentiasa terpelihara. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) komited untuk terus memperkukuh pengurusan pensijilan halal Malaysia demi kepentingan dan kebaikan untuk negara.

Sekian, terima kasih.

AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri
Pengerusi Majlis Pembangunan Industri Halal

18 September 2024